

Bahagian A (Soalan Padanan)

1 Padankan kewujudan hubungan Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu dengan bukti yang betul.

(a) Pelabuhan ini membekalkan kapur barus, kayu laka, lilin lebah dan kulit penyu dan mempunyai hubungan perdagangan dengan China dan Siam.

(b) Berlaku akibat berkembangnya pengaruh Kesultanan Melayu Brunei dan Kesultanan Sulu di kawasan barat dan utara pantai Borneo. Sambas menyerahkan Sarawak kepada Kesultanan Melayu Brunei.

(c) Kerajaan Alam Melayu tertarik untuk meluaskan pengaruhnya kerana perdagangan yang pesat di Sarawak dan Sabah. Artifak seperti gendang gangsa jenis Moko ditemui di Pulau Banggi, Sabah membuktikan wujudnya hubungan perdagangan dengan Majapahit.

(d) Kemunculan pusat ini di Gua Niah dan Bukit Tengkorak telah membuktikan wujudnya hubungan Sarawak dan Sabah dengan Alam Melayu. Industri perdagangan semakin maju dengan munculnya pelabuhan seperti Chu-Po di utara Sabah.

(e) Penemuan beberapa objek agama seperti patung dan sebagainya menjadi bukti bahawa terdapatnya hubungan antara kerajaan Alam Melayu dengan Sarawak dan Sabah selain terdapat masyarakat yang mengamalkan amalan agama seperti kaum Melayu dan Melanau.

(f) Kebangkitan dua kuasa ini telah melemahkan beberapa buah kerajaan di Sarawak kerana perdagangan tidak lagi bertumpu di pelabuhan-pelabuhan seperti Santubong, Kalka, Samadong dan Melano sementara di utara Sabah, perdagangan semakin pesat berlaku.

Kebangkitan
Kesultanan Melayu
Brunei dan
Kesultanan Sulu

Kemajuan
dalam bidang
perdagangan

Pusat pembuatan
tembikar

Pengaruh agama
Hindu, Buddha
dan Islam

Kemunculan
pelabuhan
Santubong

Kemerosotan
Majapahit